

01 APR 1998

Parlimen - bahas

SIKAP DINGIN GOLONGAN KORPORAT TERHADAP DANA TABUNG NEGARA DIBIDAS

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Seorang anggota Parlimen hari ini membidas sikap dingin yang ditunjukkan oleh golongan korporat serta syarikat-syarikat besar terhadap dana tabung negara, sungguhpun mereka merupakan golongan yang banyak mendapat faedah daripada projek-projek kerajaan.

Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) ketika membahaskan usul terima kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat hari ini berkata golongan korporat sepatutnya menghulurkan sumbangan mereka kepada dana itu sebagai tanda terima kasih kepada kerajaan atas apa yang mereka perolehi selama ini.

Beliau berkata golongan korporat juga harus ikhlas dalam menyumbang kepada dana itu tanpa mengharap sebarang balasan di kemudian hari dengan tanggapan bahawa ia merupakan suatu pengorbanan ke arah membantu kerajaan memulihkan ekonomi.

Katanya apa yang dikesalkan ialah jumlah sumbangan yang diterima oleh tabung itu sehingga kini tidak sampai RM1 juta.

"Ke manakah perginya ahli korporat yang kini menerajui syarikat besar yang mendapat manfaat daripada projek yang dihulurkan oleh kerajaan ketika keadaan ekonomi memberangsangkan dahulu. Kalau untung merosot pun takkan sedikitpun tak boleh sumbang" katanya.

Badruddin juga menyentuh isu pendidikan yang membabitkan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Beliau mencadangkan agar kerajaan memastikan semua IPTS mengambil pelajar dari berbilang kaum dan mempunyai kuota untuk Bumiputera bagi memastikan ianya tidak dimonopoli oleh kaum tertentu.

Mengenai MARA pula, beliau mencadangkan agar Pengerusinya yang baru Ruhaine Ahmad melonggarkan syarat kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bagi penuntut di luar bandar.

Beliau berkata syarat mendapat A dalam semua matapelajaran peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) akan hanya menyebabkan pelajar luar bandar terpinggir daripada peluang melanjutkan pelajaran ke MRSM.

Seripah Noli Syed Hussin (BN-Sepang) pula meminta kerajaan mengawasi proses penggabungan bank dan institusi kewangan agar tidak berlaku pembuangan pekerja secara besar-besaran atas alasan pengstruktur semula.

Beliau berkata kini terdapat desas desus yang mengatakan bahawa lebih 50 peratus pekerja Sime Bank akan diberhentikan berikutan pengambilalihan oleh Rashid Hussein Berhad.

Abdul Aziz Yassin (BN-Muar) pula mengesyorkan agar kerajaan menubuhkan Majlis Ketahanan Negara bagi menasihati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sebarang isu yang menggugat ketenteraman awam.

Beliau berkata majlis itu, jika ditubuhkan hendaklah dianggotai oleh tokoh-tokoh politik yang tidak mempunyai komitmen lain seperti Tun Ghafar Baba dan Tan Sri Omar Yoke Ling Ong.

Katanya majlis itu juga harus diberikan kuasa untuk membuat penyiasatan awam terhadap isu yang membabitkan keselamatan negara.

Aziz berkata masalah isu perkauman tidak hanya semata-mata diselesaikan secara tindakan kepolisian, tetapi ianya juga perlu juga diselesaikan secara bermesyuarah, pesefahaman dan toleransi antara berbagai kaum di negara ini.

Dr Yap Yit Thong (BN-Lumut) yang turut membahaskan usul itu bertanyakan mengenai sistem yang digunakan oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan

Perdana Menteri bagi mengawasi projek-projek yang diswastakan.

Beliau berkata apa yang berlaku sekarang tidak terdapat sistem yang khusus bagi mengawasi projek yang diswastakan dan sungguhpun terdapat meknisme untuk tujuan itu ianya tidak berkesan.

Katanya, ini menyebabkan ada perkhidmatan yang hanya mendatangkan masalah kepada orang ramai apabila iannya diswastakan, seperti perkhidmatan pemetungan oleh Indah Water Konsortium dan penyelarasan perkhidmatan pemeriksaan perubatan pekerja asing oleh Fomena.

Dr Yap berkata beliau menerima aduan daripada beberapa doktor swasta di Ipoh yang mendakwa Fomena mengarahkan mereka menghantar sampel ujian air kencing dan darah kepada Premier Diagnostic Laboratory sungguhpun dalam perjanjian dengan kerajaan Fomena tidak dibenarkan berbuat demikian.

Beliau juga mempersoalkan bagaimana pekerja asing yang mengidap penyakit, seperti batuk kering, Hepatitis B dan kusta boleh masuk ke negara ini sedangkan kerajaan mensyaratkan agar mereka perlu mendapat pengesahan kesihatan dari negara asal sebelum boleh dibawa masuk.

Katanya, daripada 45,000 pekerja asing yang diperiksa 3 peratus didapati mengidap ketiga-tiga penyakit itu dan langkah segera harus diambil untuk menghantar mereka pulang ke negara asal.

Persidangan dewan disambung semula esok. -- BERNAMA

AKT RI